

E-BULETIN
EDISI
2023



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Negeri Sembilan
Kampus Rembau



e-BULETIN
2023

FAKULTI
PENGURUSAN
& PERNIAGAAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN
KAMPUS REMBAU



KENAIKAN KADAR DASAR SEMALAMAN (OPR) DAN KESANNYA KEPADA MATAWANG RINGGIT MALAYSIA

Rozihanim Bt Shekh Zain¹ & Noor Azillah Bt Mohamad Ali²

¹Fakulti Pengurusan & Perniagaan, UiTM Cawangan Perlis

²Fakulti Pengurusan & Perniagaan, UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau

Bank Negara Malaysia (BNM) telah sekali lagi mengumumkan kadar dasar semalaman (OPR) meningkat 25 mata asas lagi kepada 3% pada 3 Mei 2023. Langkah dan tindakan monetari Bank Negara menaikkan kadar faedah adalah bagi memerangi inflasi dengan melemahkan permintaan dan kuasa beli di dalam pasaran. Kadar faedah sesuatu negara ditentukan oleh dasar yang dikawal oleh Bank Pusat negara masing-masing. Bank Pusat boleh mengetatkan dasar polisi monetari ini dengan meningkatkan kadar faedah sesebuah negara dan juga boleh melonggarkannya dengan merendahkan kadar faedah tersebut.

Dasar monetari Malaysia dipengaruhi kuat oleh Amerika Syarikat (AS), dan AS telah menaikkan kadar OPR mereka sebanyak 10 kali semenjak Mac 2022 kepada 5.0%. Ini menjejaskan ekonomi dunia apabila matawang negara membangun mengalir kembali ke AS menjadikan matawang asing semakin lemah. Kenaikan OPR boleh memberi kesan kepada nilai tukaran Ringgit. Sepatutnya, apabila OPR meningkat, nilai Ringgit akan cenderung meningkat kerana ia menunjukkan kestabilan ekonomi negara. Namun jika kenaikan OPR disebabkan oleh inflasi yang tinggi, ia boleh membuat Ringgit menjadi tidak stabil dan menukar arah dari nilai positif ke negatif.

Apabila BNM menaikkan kadar OPR, sepatutnya Ringgit mengukuh. Namun begitu ini tidak terjadi, malah Ringgit terus lemah berbanding Dollar AS. Pada bulan Febuari 2023, Ringgit telah jatuh hampir 5%. Mencatatkan prestasi terburuk di Asia dibandingkan 10 matawang utama Asia termasuk Dollar Singapura, Bhat Thailand, Yuan China, Yen Jepun, dan Rupiah Indonesia. Indeks Dollar (DXY) berada dalam kedudukan lemah dan terendah pada bulan Febuari 2023, namun Ringgit tidak meningkat. Pada awal Febuari 2023 ketika indeks USD102, Ringgit pada masa itu mengukuh kepada RM4.22 berbanding USD1. Namun apabila USD jatuh, indeks Dollar turut jatuh hampir kepada USD100, manakala Ringgit kekal lemah pada nilai RM4.46 berbanding USD1. Ringgit turut menyusut kepada paras terendah dalam tempoh lebih dua dekad berbanding Dollar Singapura.


Tidak dapat dinafikan kenaikan OPR nampaknya tidak membawa sebarang impak positif dalam menyokong matawang Ringgit dalam pasaran matawang. Ditambah pula dengan aliran keluar dana asing sudah mengalir keluar dengan jumlah yang besar dan ini terus menjadikan Ringgit semakin lemah. Secara

langsung, negara juga terkesan dengan kejatuhan Ringgit yang mana dana yang lebih besar diperlukan untuk pembayaran balik hutang luar negara ditambah lagi dengan pengaliran keluar modal yang berlaku.

Ketika OPR dinaikkan, yang terkesan adalah mereka yang berhutang. Sebaliknya jika Ringgit melemah, ia akan memberi kesan kepada seluruh rakyat terutama barangan import. Harga barang makanan serta keperluan lain yang bergantung kepada input yang diimport turut meningkat, yang akhirnya menyebabkan kos sara hidup terus naik dan menjadi beban kepada rakyat. Kebergantungan Malaysia kepada bekalan import nyata memberi kesan negatif yang signifikan. Harga barang yang naik lazimnya tidak akan turun semula.



Secara teori, matawang yang lebih lemah boleh menjadikan eksport negara lebih berdaya saing dan seterusnya menyokong pertumbuhan ekonomi. Namun, kejatuhan nilai Ringgit tidak membantu menambah eksport negara dalam jangka masa pendek, malah berlaku sebaliknya yang mana nilai eksport turut jatuh. Eksport Malaysia merosot pada Mac 2023 sebanyak 1.4% kepada RM129.7 billion berbanding Mac 2022.



Penentuan turun naik OPR atau Dasar Monetari perlu diseimbangkan dengan Dasar Fiskal. Perlu diingat bahawa tanpa kenaikan OPR pun ramai telah kehilangan kuasa membeli, apatah lagi apabila OPR dinaikkan. Sepatutnya apabila OPR dinaikkan, jumlah simpanan negara akan meningkat dan mengukuhkan nilai Ringgit – yang akhirnya akan menstabilkan harga barangan import. Namun nampaknya ia tidak membawa sebarang impak positif dalam menyokong nilai Ringgit. Kadar tukaran Ringgit terus jatuh dan data pada bulan Jun 2023 menunjukkan kita memerlukan RM4.57 untuk membeli satu

Dollar AS. Pertumbuhan ekonomi dunia yang lemah, khususnya di AS dan China sewajarnya diambil kira oleh BNM agar menghentikan seketika kenaikan OPR dan mungkin mempertimbangkan pengurangan menjelang akhir tahun 2023.